



SEBAHAGIAN daripada delegasi Malaysia yang menyertai Mesyuarat Menteri-Menteri IMT-GT ke-14 di Songkhla, Thailand baru-baru ini.

Pasaran **halal** ASEAN

Pembangunan Segitiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT) bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Kerja Produk dan Perkhidmatan Halal.

PASARAN produk halal di rantau Asia Tenggara (ASEAN) dijangka semakin meningkat dalam tempoh terdekat ini apabila beberapa pemimpin negara yang terlibat dengan Pembangunan Segitiga Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT), baru-baru ini bersetuju agar Jawatankuasa Kerja Produk dan Perkhidmatan Halal (WG-HAPAS) ditubuhkan sempena mesyuarat delegasinya.

Mesyuarat Menteri dan Pegawai Kanan IMT-GT ke-14 di Hotel BP Samila, Songkhla, Thailand itu disertai lebih 600 delegasi tiga negara berkenaan.

Antaranya termasuklah Ketua Pengarah, Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Dr. Sulaiman Mahbob dan Ketua Eksekutif, Pusat IMT-GT, Dr. Ir. Hassan Ibrahim.

Tidak ketinggalan hadir ialah Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim; Timbalan Menteri Perhubungan Luar Thailand, Sawanit Kongsiri; Pengerusi Majlis PERNIAGAAN Bersama, Somkit Anuras; Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Asia Tenggara Bank Pembangunan Asia, Kuniki Nakamori; Gabenor Bangka-Belitung, Indonesia, H Eko Maulana Ali dan Ahli Exco Kerajaan Selangor, Datuk Tang See Hang.

Delegasi Thailand diketuai oleh Penasihat Kanan Polis dan Perancangannya, Dr. Poramettee Vimolsiri manakala ketua delegasi Malaysia dan Indonesia, masing-masing ialah Rosita Rahim dan Jogarini Pramati.

Mesyuarat tersebut memutuskan Poramettee dilantik menjadi pengerusi mesyuarat pertama jawatankuasa IMT-HAPAS-IMT-GT.



ISU produk halal di negara yang majoriti penduduknya beragama Islam sentiasa mendapat perhatian pelbagai pihak. – Gambar hiasan.

Rosita berkata, Malaysia menghargai usaha delegasi Thailand yang mengatur dan menyediakan pelbagai kemudahan mesyuarat pertama penubuhan jawatankuasa kerja penaja berkenaan.

Menurutnya, mesyuarat itu merupakan forum terbaik untuk menggerakkan IMT-GT dalam jangka masa panjang. Katanya, kursus dan latihan berkaitan isu makanan halal perlu dijalankan bersama untuk mencapai matlamat jangka masa panjang.

“Semua isu berkaitan halal perlu dilihat secara mendalam dan meluas bagi setiap negara anggota,” katanya.

Menurut Rosita, ciri-ciri berkaitan halal seperti peraturan dan pengesahan patut melibatkan penguatkuasa agama di negara masing-masing yang akan menentukan garis panduannya.

Menurutnya, Malaysia akan mengadakan Simposium Antarabangsa Sains

Halal yang kedua di Kuala Lumpur pada November ini.

Perwakilan Thailand, Profesor Madya Dr. Winai Dahlan pula berkata, IMT-GT mempunyai potensi dagangan halal bernilai US\$1.8 bilion di 148 negara di dunia di samping penggunaan makanan halal bernilai US\$590 bilion.

Sementara itu, Poramettee berkata, negaranya menghargai kepercayaan Malaysia dan Indonesia melantik negaranya sebagai pengerusi pertama mesyuarat penubuhan Jawatankuasa Kerja HAPAS walaupun negara itu mempunyai penduduk Muslim lebih ramai dan moden.

Beliau yakin penubuhan WG-HAPAS akan mencapai matlamatnya apabila kerjasama dan hubungan baik antara negara yang menganggotainya dijalin.

Pusat Sains Halal Universiti Chulalongkorn dan Pusat Sains Halal Uni-

versi Pertanian Bogor akan bekerjasama dalam rangkaian makmal halal di IMT-GT.

Selangor dilaporkan menyediakan tapak seluas 172 hektar untuk tujuan pembangunan Pusat Industri Halal. Shahidan Kassim ketika berucap di majlis itu mencadangkan pemimpin IMT-GT menukar namanya kepada IMT-GC (*Indonesia, Malaysia and Thailand Growth Corridor*).

Menurutnya, penyertaan beberapa negeri dan wilayah IMT-GT semakin bertambah dan meluas.

“Oleh itu nama IMT-GT boleh dilebarkan lagi menjadi IMT-GC sesuai dengan perkembangannya,” katanya.

Sanawit Kongsiri dalam kenyataan akhbarinya selepas mesyuarat itu berakhir berkata, mesyuarat kali ini meluluskan kemasukan Chumphon, Ranong, Surat Thani, Krabi, Phang Nga dan Pukhet sebagai ahli baru IMT-GT.

Kemasukan wilayah ini akan membuka peluang lebih luas pembangunan di kawasan selatan Thailand. Menurutna, Seminar Ekonomi Kecil dan Sederhana serta ekspso perdagangan dijangka diadakan di Pulau Pinang dari 6 hingga 9 Disember ini.

Beliau berkata, satu program besar-besaran melawat IMT-GT tahun depan akan diadakan di Hatyai pada 11 hingga 20 Januari depan diikuti promosi pelancongan seperti sukan dan kebudayaan di tiga negara sepanjang tahun.

Mesyuarat IMT-GT ke-14 berjaya membincangkan banyak isu berkaitan tiga negara yang sentiasa mahu rakyat negara masing-masing membangun dan hidup selesa.

Delegasi turut bersetuju mesyuarat IMT-GT ke-15 diadakan di Indonesia yang tempatnya belum ditentukan tuan rumahnya.